

# **KEJAYAAN**

DALAM

# **KEUSAHAWANAN**



# **KEJAYAAN**

---

DALAM

# **KEUSAHAWANAN**

**EDITOR:**  
**DIYANA KAMARUDIN**  
**SUHAIDAH HUSSAIN**



**Hakcipta ©Universiti Malaysia Pahang, 2020**

Cetakan Pertama, Ogos 2020

**Hakcipta adalah terpelihara**

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada SUARA Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

**KEJAYAAN DALAM KEUSAHAWANAN / EDITOR: DIYANA**

KAMARUDIN, SUHAIDAH HUSSAIN.

ISBN 978-967-2226-72-7

1. Entrepreneurship--Malaysia.
  2. Small business --Malaysia.
  3. Government publications--Malaysia.
- I. Diyana Kamarudin.  
II. Suhaidah Hussain.  
338.0409595

Pengarah SUARA : M. M. Noor  
Ketua Editor : M. Azli  
Editor : M. Azli  
Pembaca Pruf : N. Izzati Aisyah  
Reka Letak & Reka Kulit : R. W. Chamie  
Pentadbiran : A. Azianti & F. W. Riann  
Jualan & Pemasaran : N. H.

Diterbitkan Oleh  
**Pejabat SUARA UMP**  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang,  
Kuantan, Pahang Darul Makmur.  
Tel: 09-549 3273 Faks: 09-549 3281

Share | Like | Tag  
Jualan atas Talian: <http://apps-cfm.ump.edu.my/staff/ebooksump/>  
<https://mohbeli.com/product-category/books/>  
FB Rasmi : Penerbit Universiti Malaysia Pahang  
IG Rasmi : Penerbitump

Urus Cetak  
**Syarikat Percetakan Inderapura Sdn. Bhd**  
Jalan Tanjung Api Off Jalan Telok Sisek  
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-5177225/5177031 Faks: 095139434

## **PRAKATA**

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT dengan izinNya, buku *Kejayaan dalam Keusahawanan* berjaya diterbitkan. Buku ini boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada semua pelajar yang ingin bergelar usahawan. Dalam membantu para pelajar menjadi usahawan berjaya, buku ini mengumpulkan sumbangan buah fikiran daripada penulis berpengalaman yang mampu memberi dorongan serta memotivasi pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan.

Bagi pihak penyelaras buku, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penyumbang atas usaha dan kerjasama semua dalam menyediakan bahan untuk penerbitan buku. Semoga buku ini mampu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pelajar.

Sekian, terima kasih

Editor

Dr. Diyana Kamarudin,  
Penyelaras dan Penyunting Buku,  
*Kejayaan dalam Keusahawanan*



## **PENGENALAN BUKU**

Buku ini ditulis untuk membantu usahawan baharu dan pelajar memahami konsep di sebalik keusahawanan. Mereka akan memahami komponen yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya seperti mengapa ramai yang memilih untuk menjadi usahawan, peranan keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan kompetensi, etika, kreativiti dan inovasi, reka bentuk berfikir, cara untuk mencari peluang perniagaan, kanvas model perniagaan, pelan perniagaan yang termasuk perancangan kewangan, pengurusan projek dalam keusahawanan, pemasaran digital dan untuk mendapatkan bantuan untuk pembiayaan dan inisiatif pembiayaan lain.

Salah satu ciri khas buku ini ialah pada setiap bab yang terakhir iaitu terdapat kajian kes dan aktiviti untuk pelajar dan usahawan baharu dapat mengamalkan kemahiran dan pemahaman mereka. Terdapat juga banyak cara untuk membimbing dan memberi penerangan di dalamnya.

## **OBJEKTIF BUKU**

Setiap bab telah meletakkan hasil individu mereka sendiri. Pada akhir buku ini, anda seharusnya dapat:

- ✓ Membangunkan kompetensi dan kemahiran keusahawanan
- ✓ Mengenal pasti peluang perniagaan
- ✓ Mencadangkan rancangan perniagaan menggunakan elemen daripada buku ini



# BAB BUKU

<b>PRAKATA</b>	<b>v</b>
<b>PENGENALAN BUKU</b>	<b>vii</b>
<b>OBJEKTIF BUKU</b>	<b>vii</b>
Bab 1 Konsep dan Pembangunan Keusahawanan <i>Suhaidah Hussain dan Azizan Azit</i>	1
Bab 2 Analisis Kompetensi Keusahawanan Diri <i>Suhaidah Hussain dan Azizan Azit</i>	21
Bab 3 Etika dalam Keusahawanan <i>Haziman Zakaria dan Faiz Azizul</i>	31
Bab 4 Kreativiti dan Pemikiran Inovatif dalam Keusahawanan <i>Diyana Kamarudin, Faiz Azizul dan Wan Khairul Anuar Wan Abd Manan</i>	43
Bab 5 Kemahiran Memulakan Perniagaan <i>Mazita Mokhtar</i>	59
Bab 6 Peluang Perniagaan <i>Wan Khairul Anuar Wan Abd Manan dan Diyana Kamarudin</i>	69
Bab 7 Kanvas Model Perniagaan <i>Wan Khairul Anuar Wan Abd Manan dan Diyana Kamarudin</i>	79
Bab 8 Pelan Perniagaan <i>Faiz Azizul dan Haziman Zakaria</i>	83
Bab 9 Kemahiran dalam Mengurus Projek Perniagaan <i>Haziman Zakaria dan Faiz Azizul</i>	129
Bab 10 Pemasaran Digital <i>Diyana Kamarudin dan Faiz Azizul</i>	143
Bab 11 Insentif, Bantuan Kewangan dan Fasilitasi bagi Menjalankan Perniagaan yang Terdapat di Malaysia <i>Nur Aainaa Syafini Mohd Radzi dan Nizam Rashid</i>	155
<b>RUJUKAN</b>	<b>171</b>
<b>BIOGRAFI</b>	<b>173</b>



# BAB 1

## KONSEP DAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN

*Suhaidah Hussain dan Azizan Azit*

---

### 1.0    OBJEKTIF

Pada akhir Bab 1, pelajar akan mempelajari:

- 1.1    Menilai kepentingan bidang pengajian keusahawanan.
- 1.2    Menerangkan konsep usahawan dan keusahawanan.
- 1.3    Mengenal pasti ciri keusahawanan.
- 1.4    Membuat rumusan tentang pembangunan keusahawanan di Malaysia.

## 2.0 KONSEP DAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN

### 2.1 Takrif Usahawan

Perkataan *entrepreneur* berasal daripada Bahasa Perancis, *entreprendre* yang bermaksud memikul tugas atau mencuba atau mengusahakan sesuatu enterprise.

Daripada Oxford Pocket Dictionary usahawan ditakrifkan sebagai orang yang mengendalikan sesebuah perniagaan dan mengambil risiko perniagaan yang diceburinya.

Satu proses inovasi dan penciptaan usaha niaga yang baharu melalui empat dimensi utama – individu, organisasi, persekitaran, proses, yang dibantu oleh jaringan kerja bersama (collaborative networking) dengan kerajaan, pendidikan dan institusi.

Satu mangkin bagi perubahan ekonomi yang menggunakan pencarian secara berobjektif, perancangan yang teliti dan membuat pertimbangan yang bijak apabila mengendalikan proses keusahawanan.

Bersikap optimistik secara unik dan komited, usahawan berkerja secara kreatif untuk membentuk sumber baharu atau mengkurniakan kapasiti baharu kepada sumber lama, dengan tujuan mencipta kekayaan (Reference: Kuratko & Hodgetts (2007)).

### 2.2 Schumpeter dan *Theory of Economic Development*

Joseph Schumpeter (1934) telah memperkenalkan istilah ‘entrepreneur’ dalam bidang pendidikan melalui karya tulisan beliau yang berjudul *Theory of economic development*.

Beliau mentakrifkan usahawan sebagai individu yang melakukan pembaharuan atau inovasi untuk kesejahteraan organisasinya sendiri. Antara bentuk pembaharuan yang dilakukan:

- Memperkenalkan perkhidmatan atau barang keluaran yang baharu
- Memperkenalkan kaedah pengeluaran yang baharu
- Meneroka pasaran baharu
- Mencari dan meneroka sumber bahan mentah baharu
- Menyusun semula industri yang diceburinya

Beliau menggambarkan usahawan sebagai seorang buruh yang unik. Baginya usahawan diibaratkan sebagai *innovator* atau orang yang membawa perubahan atau pembaharuan. Usahawan digambarkan sebagai seorang individu yang bertanggungjawab kepada pengeluaran dan pendorong dayacipta (*creativity*) dan ‘yang baharu dan ganjil’ (*novelty*) dalam operasi biasa sesebuah perniagaan.

### 2.3 Peranan Usahawan dalam Pembangunan Ekonomi

Berdasarkan Teori Schumpeter:

Kecenderungan sesebuah ekonomi untuk bergerak kepada titik keseimbangan terjejas oleh kebolehan unik usahawan.